

# Aini dilantik Naib Canselor baharu UPM

» Pelantikan berkuat kuasa 1 Januari lalu hingga 31 Disember 2017

Oleh Basir Zahrom

basir\_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**engarah Strategi Korporat dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, dilantik Naib Canselor baharu universiti itu, berkuat kuasa 1 Januari lalu hingga 31 Disember 2017.

Pelantikan beliau bagi menggantikan Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan yang tamat kontrak pada 31 Disember tahun lalu, selepas mendapat surat pelantikan secara rasmi daripada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Sepanjang perkhidmatan di UPM, Dr Aini pernah menjawat pelbagai jawatan penting, termasuk Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) pada tahun 2008 hingga tahun 2013, Pengerusi

Lembaga Pengarah UPM Holdings (2009-2011) dan Dekan Sekolah Pengajian Siswazah UPM (2001-2008).

Dr Aini yang mendapat Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dari UPM pada tahun 1979, sebelum ini pernah berkhidmat sebagai tutor di universiti itu.

Beliau kemudian menyambung pengajian Sarjana Sains Veterinar di Universiti Liverpool, England pada tahun 1981, seterusnya ijazah doktor falsafah di UPM dan Universiti Queensland, Australia (1989).

## Hasil lebih 400 penerbitan

Beliau menghasilkan lebih 400 penerbitan dan sering dijemput sebagai pembentang kertas kerja pada konvensyen peringkat tempatan dan antarabangsa, termasuk persidangan berprestij seperti 10th World Veterinary Poultry Science Congress pada tahun 1993, 4th Asia Pacific Poultry Health Conference (1998) dan 21st World's Poultry Congress (2000).

Berkepakaran dalam bidang editorial, Dr Aini juga menganggotai sidang editorial beberapa jurnal tempatan dan antarabangsa, termasuk Jurnal Biologi Molekular dan Bioteknologi Asia Pasifik, Jurnal Veterinar Mikrobiologi (Swe-

den), Jurnal Veterinar Korea serta Jurnal Avian Pathology (United Kingdom).

Dalam badan profesional dalam dan luar negara, beliau pernah memegang jawatan penting antaranya Timbalan Penasihat Persatuan Veterinar untuk Tabung Kebajikan Pendidikan Malaysia, Bendahari Persatuan Sains Ternakan (Ayam/Itik) Dunia - Bahagian Malaysia dan EXCO Alumni Veterinar UPM.

Pencapaian cemerlang Dr Aini dalam bidang veterinar membolehkan beliau menerima Anugerah Akademik Negara pada tahun 2010 untuk kategori Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk dan muncul seorang daripada 10 penyelidik terbaik untuk Anugerah Inovasi Kebangsaan 2012.

Pada tahun 2013, beliau diumumkan antara Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia dan pada tahun sama, Dr Aini diserap menjadi ahli Dewan Kehormat, Persatuan Veterinar Unggas Dunia iaitu pencapaian paling berprestij dalam bidang veterinar unggas sedunia berdasarkan sumbangan dalam penyelidikan saintifik, latihan dan pendidikan kesihatan unggas dan kepeimpinan.



## INFO

### Latar pendidikan

- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) pada tahun 2008-2013
- Pengerusi **Lembaga Pengarah UPM Holdings** pada 2009-2011
- Dekan Sekolah Pengajian Siswazah UPM pada 2001-2008
- Memiliki Ijazah **Doktor Perubatan Veterinar** dari UPM pada 1979
- Ijazah **Sarjana Sains Veterinar** dari Universiti Liverpool, England pada 1981
- Ijazah **Doktor Falsafah** di UPM dan Universiti Queensland, Australia (1989)
- Menerima **Anugerah Akademik Negara** pada 2010 bagi kategori Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk
- Antara **10 penyelidik terbaik** untuk Anugerah Inovasi Kebangsaan 2012
- Diumumkan antara **Saintis Penyelidikan Terbaik** Malaysia pada 2013.